# MENEPATI JANJI

Disediakan oleh:
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ الْقَائِلِ :

رَبَّنَآ إِنَّكَ جَامِعُ ٱلنَّاسِ لِيَوۡمٖ لَّا رَيۡبَ فِيهِۚ إِنَّ ٱللَّهَ لَا يُخۡلِفُ ٱلۡمِيعَادَ ﴿٩﴾

(Surah al-Imran: 9)

أَشْهَدُ أَنْ لَآ إِلَهَ إِلاَّ اللَّهُ وَحْدَهُ لاَ شَرِيْكَ لَهُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُوْلُهُ ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى ءَالِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِيْنَ .

أَمَّا بَعْدُ ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ ، اتَّقُوا اللَّهَ ، أُوْصِيْكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُوْنَ .

**MA'ASYIRAL MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH**

Sesungguhnya menjadi kewajipan kepada kita sekalian mentarbiyah diri menjadi insan yang takut dan kasihkan Allah demi mencapai status orang yang bertakwa. Salah satu jalan ke arah mencapai tingkat ketakwaan yang tinggi ialah dengan mengerjakan segala perkara yang diperintahkan Allah dan menjauhi segala perkara yang ditegah-Nya dengan penuh keikhlasan. Seyogianya diketahui dan disedari bahawa orang-orang yang bertakwa sahajalah yang beroleh berbagai-bagai nikmat dan keistimewaan di dunia dan juga di akhirat .

**HADIRIN JEMAAH JUMAAT YANG DIBERKATI ALLAH SWT SEKALIAN,**

Kalimah janji atau kontrak, akad dan yang seumpamanya, bukanlah sekadar istilah, tetapi ianya sesuatu perkara utama dalam kehidupan manusia. Ianya juga menyangkut secara langsung dengan ikatan sosial serta amalan yang diamalkan oleh semua lapisan manusia dan umat Islam sejak berabad lamanya. Sifat manusia memang suka menabur janji, tetapi sering pula memungkirinya. Ketahuilah bahawa Allah SWT sangat tidak menyukai dan membenci kepada orang-orang yang suka berkhianat dan tidak menepati janji-janji mereka. Firman Allah SWT dalam surah al-Anfal ayat 58:

وَإِمَّا تَخَافَنَّ مِن قَوۡمٍ خِيَانَةً فَٱنۢبِذۡ إِلَيۡهِمۡ عَلَىٰ سَوَآءٍۚ إِنَّ ٱللَّهَ لَا يُحِبُّ ٱلۡخَآئِنِينَ ﴿٥٨﴾

Yang bermaksud: *"Dan jika engkau mengetahui adanya perbuatan khianat dari sesuatu kaum (yang mengikat perjanjian setia denganmu) maka campakkanlah (perjanjian itu) kepada mereka dengan cara terus terang dan adil. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang khianat."*.

Ingatan ini ditujukan khusus untuk umat Islam, orang-orang beriman dan manusia keseluruhannya. Apabila kita melakukan sebuah janji, maka hendaklah kita berusaha untuk menepatinya, pepatah Melayu ada mengatakan "Kerbau dipegang pada talinya, manusia dipegang pada janjinya". Ini adalah satu bukti bahawa janji itu amat penting kepada sesama manusia.

**HADIRIN JEMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT SEKALIAN,**
Ternyata kehidupan harian kita tidak mungkin terlepas dari ikatan janji, sama ada kita sendiri yang membuat janji ataupun orang lain. Ibubapa akan berjanji kepada anak-anaknya yang soleh dan cemerlang dalam pendidikan dengan bermacam-macam hadiah sebagai pendorong. Ketua akan menjanjikan staf bawahannya yang baik dan cemerlang dengan pelbagai insentif. Begitu juga dengan pemimpin yang menaburkan pelbagai janji kepada rakyat.

Sesungguhnya, menepati janji merupakan akhlak mulia yang sangat dituntut dalam Islam dan menjadi cabaran yang besar kepada umatnya untuk dilaksanakan. Rasulullah SAW turut mengancam perbuatan orang yang mengingkari janji seperti sabdanya yang bermaksud:

*"Dari Ali bin Abi Talib RA, berkata Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: Barangsiapa yang tidak menepati janji seorang Muslim, maka dia akan mendapat laknat Allah, Malaikat dan seluruh manusia. Tidak diterima darinya taubat dan tebusan"*. (HR Imam Bukhari dan Muslim)

**HADIRIN JEMAAH JUMAAT YANG DIKASIHI ALLAH SWT SEKALIAN,**
Menepati janji merupakan akhlak mulia yang dituntut dalam Islam. Oleh itu, mimbar hari ini ingin mengajak hadirin Jumaat yang dimuliakan untuk menghayati hikmah menepati janji :

**Pertama, termasuk golongan Nabi Muhammad SAW.** Sebagai manusia, kita pastinya tidak terlepas daripada janji dan janji tersebut hendaklah ditepati agar

termasuk dalam golongan Rasulullah SAW. Baginda Rasulullah SAW telah bersabda *“Orang yang merendahkan orang-orang Mukmin dan yang berjanji namun tidak menepati janjinya, mereka bukanlah golonganku dan aku bukanlah dari golongan mereka”* (HR. Muslim).

**Kedua, termasuk penghuni Syurga Firdaus.** Menunaikan janji merupakan salah satu sifat yang terpuji dalam Islam. Amalan menunaikan janji berkait rapat dengan sifat amanah dan bertanggungjawab. Sifat-sifat ini merupakan sifat Rasulullah SAW yang patut dicontohi oleh setiap Muslim. Allah SWT berfirman dalam surah Al-Mu’minun ayat 8-11 yang menjelaskan bahawa orang yang menepati janji dan menjaga solatnya merupakan penghuni serta mewarisi Syurga Firdaus dan akan kekal di dalamnya kelak.

**Ketiga, bukan golongan orang Munafik.** Rasulullah SAW juga telah mempercirikan golongan munafik dengan tiga ciri utama. Dan antara ciri itu ialah memungkiri janji apabila telah berjanji. Sabda baginda Rasulullah SAW yang bermaksud: *“Daripada Abu Hurairah RA bahawasanya Rasulullah SAW bersabda, “Tanda-tanda orang munafik ada tiga, iaitu apabila dia berbicara dia dusta, apabila dia berjanji tidak ditepati dan apabila diberi amanah dia khianati.”* (Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

**HADIRIN JEMAAH JUMAAT YANG DIBERKATI ALLAH SWT SEKALIAN,**

Mengakhiri khutbah Jumaat pada hari ini, mimbar ingin mengajak jemaah sekalian untuk mentaati dan menuruti segala ajaran dan panduan yang termaktub dalam al-Quran dan as-Sunnah. Terutamanya dalam menjaga janji.
Allah SWT berfirman dalam surah Ali-Imran ayat 9:

رَبَّنَآ إِنَّكَ جَامِعُ ٱلنَّاسِ لِيَوۡمٖ لَّا رَيۡبَ فِيهِۚ إِنَّ ٱللَّهَ لَا يُخۡلِفُ ٱلۡمِيعَادَ ٩

Mafhumnya: *"Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya Engkaulah yang akan menghimpunkan sekalian manusia, untuk (menerima balasan pada) suatu hari (hari kiamat) yang tidak ada syak padanya". Sesungguhnya Allah tidak memungkiri janjiNya.”*

بَارَكَ اللهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالقُرْآنِ العَظِيْمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الحَكِيْمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيْعُ العَلِيْمُ وَاسْتَغْفِرُ اللهَ العَظِيْمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسلِمِيْنَ وَالمُسْلِمَاتِ وَالمُؤْمِنِيْنَ وَالمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوْهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيْمُ.

***

Disediakan dan diedar oleh:
Bahagian Penyelidikan dan Informasi
Jabatan Hal Ehwal agama Islam Negeri Sabah

**NOTA**: Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadith Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertnyaan atau maklum balas, sila hubungi:
Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Informasi
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah
Tingkat 4, Blok A, Wisma MUIS
88737 KOTA KINABALU.
Tel: 088-522127 @ 088-522142.